

Contoh Kedua:

إِذَا شَرِبَ أَحَدُكُمْ فَلْيُمْصْ مَصًّا، وَلَا يَغُبْ عَبًّا فَإِنَّ الْكُبَادَ مِنَ الْعَبِّ

Bermaksud: Apabila seseorang daripada kamu minum, ia hendaklah minum dengan tenang. Janganlah ia minum banyak sekali gus dalam satu nafas sahaja, kerana penyakit hati itu berpunca daripada minum dengan cara itu.

Rujukan:

Ad-Dailami – Musnadul Firdaus j.1 m/s 275, Abu Nu`aim al-Ishfahāni – at-Thibb an-Nabawi j.1 m/s 414, al-Baihaqi – as-Sunan al-Kubra j.15 m/s 78 & Syu`ab al-Iman j.5 m/s 115, `Abdur Razzaaq – al-Mushannaf j.10 m/s 428, Hafizh Ibnu Hajar – Lisān al-Mīzān j.5 m/s 156, al-Munāwi – at-Taisīr Bi Syarh al-Jāmi` as-Shaghīr j.1 m/s 109, Al-Albāni – Silsilatu al-Aḥādīth ad-Dha`īfah Wa al-Maudhū`ah j.5 m/s 347.

Komentar:

(1) Boleh dikatakan `Abdur Razzaaq-lah orangnya yang mula-mula memperkenalkan hadits ini. Ia dikemukakan oleh beliau di dalam al-Mushannaf dengan sanad seperti berikut:

أخبرنا عبد الرزاق عن معمر عن بن أبي حسين أن النبي صلى الله عليه وسلم قال

Ramai daripada tokoh-tokoh yang datang kemudian seperti al-Baihaqi dan lain-lain mengambil hadits ini melalui saluran riwayat `Abdur Razzaaq itu. Maka sanad semua mereka juga berakhir dengan Ibnu Abi Husain yang meriwayatkannya secara mursal.

(2) Walaupun di dalam saluran riwayat Abu Nu`aim al-Ashfahāni di dalam at-Thibb an-Nabawi di bawah باب أوجاع الكبد (Bab Penyakit-Penyakit Hati) tidak ada nama `Abdur Razzaaq, sebaliknya beliau dengan sanadnya mengambil hadits itu daripada `Abdullah bin al-Mubāarak, tetapi `Abdullah bin al-Mubāarak tetap menerimanya daripada Ma`mar

daripada Ibnu Abi Husain secara mursal juga. Sanad di bahagian atasnya tetap sama. Lihat hadits bersama sanadnya di bawah ini:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ، حَدَّثَنَا أَبُو يَعْلَى، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنِ أَسْمَاءَ، حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْمُبَارَكِ، عَنْ مَعْمَرٍ، عَنْ ابْنِ أَبِي حُسَيْنٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا شَرِبَ أَحَدُكُمْ فَلَمْ يَصْصِ مَصًّا وَلَا يَعْجَبْ عَجَبًا فَإِنَّ الْكِبَادَ مِنَ الْعَبِّ.

(3) Ad-Dailami dan lain-lain pula meriwayatkannya dengan sedikit perbedaan pada lafaz matannya daripada `Ali secara marfū'. Lihat di bawah ini matannya:

إِذَا شَرِبْتُمْ فَاشْرَبُوهُ مَصًّا وَلَا تَشْرَبُوهُ عَجًّا فَإِنَّ الْعَبَّ يُورِثُ الْكِبَادَ

Bermaksud: Apabila kamu minum, maka minumlah dengan tenang. Jangan minum banyak sekali gus dalam satu nafas sahaja, kerana minum dengan cara itu mempesakai (menyebabkan) penyakit hati.

Ad-Dailami telah meriwayatkannya daripada Musa bin Ibrahim al-Marwazi, katanya: Musa bin Ja'far bin Muhammad meriwayatkannya daripada bapanya daripada datuknya daripada `Ali secara marfū' (daripada Nabi s.a.w.).

Adz-Dzahabi di dalam Mīzān al-Itidāl menukilkan kata-kata Yahya bahawa Musa bin Ibrahim al-Marwazi itu seorang pendusta. Ad-Daraquthni dan lain-lain pula mengatakan dia perawi matrūk. Di dalam sanadnya juga terdapat perawi bernama Muhammad bin Khalaf. Dia juga seorang perawi matrūk. Sanad itu juga sebenarnya mu'dhal, kerana Muhammad al-Bāqir tidak sempat bertemu moyangnya `Ali bin Abi Thālib. Bahkan Ayahnya `Ali Zainal `Abidin juga tidak sempat bertemu dengannya. Maka paling elok pun hadits itu hanyalah dha'if sangat. Jika dilihat kepada adanya perawi pendusta di dalam sanad, maka adalah lebih tepat hadits itu dihukum sebagai maudhu'.

(4) Apa yang dipertikaikan daripada hadits itu ialah dengan tambahan di akhirnya sebagai akibat daripada meminum air banyak dengan cara tersebut, bukan bahagian permulaannya, kerana mafhumnya ada juga diriwayatkan dengan sanad yang elok (hasan) di dalam kitab-kitab hadits yang mu'tabar. Anjuran Nabi s.a.w. supaya minum air dengan tenang dan larangan daripada minum dengan gelojoh atau bernafas ketika

minum air memang ada di dalam hadits-hadits sahih atau pun hasan. Antaranya dua hadits di bawah ini:

(١) عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَشْرَبُ فِي ثَلَاثَةِ أَنْفَاسٍ، إِذَا أَذَى الْإِنَاءَ إِلَى فِيهِ سَمَى اللَّهَ، فَإِذَا أَخْرَهُ حَمِدَ اللَّهَ، يَفْعَلُ بِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ.

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. selalu meminum air dengan tiga nafas. Apabila mendekatkan bekas air ke mulutnya Baginda membaca **بسم الله**, setelah meminumnya Baginda memuji Allah. Begitulah dilakukannya sebanyak tiga kali. (Hadits riwayat at-Thabaraani di dalam al-Mu'jamu al-Kabir j.19 m/s 140 dan al-Mu'jamu al-Ausath j.1 m/s 257).

Menurut Hafizh Ibnu Hajar hadits ini bertaraf hasan.

(٢) عَنْ أَبِي قَتَادَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا شَرِبَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَتَنَفَّسْ فِي الْإِنَاءِ، وَإِذَا أَتَى الْخَلَاءَ فَلَا يَمَسْ ذَكَرَهُ بِيَمِينِهِ، وَلَا يَتَمَسَّحُ بِيَمِينِهِ.

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda, “Apabila seseorang daripada kamu minum maka janganlah ia bernafas dalam bekas minumannya, apabila ia ke tempat buang air, janganlah ia menyentuh kemaluan dengan tangan kanannya dan janganlah mengesat (najis) dengan tangan kanannya.” (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim).

(5) Ibnu Abi ad-Dunya di dalam an-Nafaqatu 'Alal 'Iyāl (j.1 m/s 513) pula meriwayatkan apa yang dikemukakan sebagai contoh kedua di atas sebagai salah satu kata-kata (Khalifah) 'Abdul Malik bin Marwaan semata-mata kepada pendidik anak-anaknya, ia langsung tidak dikaitkan dengan Nabi s.a.w. Lihat teksnya di bawah ini:

٣٣٩ - وَخَدَّنِي الْحُسَيْنُ بْنُ عَلِيٍّ الْعِجْلِيُّ، قَالَ: سَمِعْتُ ابْنَ عُيَيْنَةَ، قَالَ: قَالَ عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ مَرْوَانَ لِمُؤَدَّبِ بَنِيهِ: عَلَّمَهُمُ الصَّدَقُ كَمَا تَعْلَمُهُمُ الْقُرْآنَ وَجَالِسُ بِهِمُ الْعُلَمَاءُ وَالْأَشْرَافُ فَإِنَّهُمْ أَحْسَنُ شَيْءٍ أَدَبًا وَأَسْوَأُ شَيْءٍ رَغْبَةً وَجَنَبَهُمُ الْخَسَمَ فَإِنَّهُمْ لَهُمْ مَفْسَدَةٌ وَحَسَنُ شُعُورِهِمْ تَغْلُظُ رِقَابَهُمْ وَأَطْعَمَهُمُ اللَّحْمَ يَقْوُوا وَيَشْجَعُوا وَزَوَّاهُمُ الشَّعْرَ يَسْتَحُوا وَيَنْجُدُوا وَمُرَّهُمْ فَلَيْسَتْ أَكُوا وَلَيْمُصُّوا الْمَاءَ مَصًّا لَا يَغْبُوا غَبًّا فَإِنَّ الْعَبَّ يُورَثُ الْكِتَابَ.

(6) Al-'Irāqi setelah membawakan hadits yang dikemukakan oleh al-Ghazali di dalam al-Ihyā': **كان يمس الماء مصا ولا يعبه عبا** (Nabi s.a.w. minum air sedikit-sedikit dengan tenang, Baginda tidak meminumnya banyak sekali gus dengan satu nafas), berkata: “Al-Baghawi, at-Thabaraani, Ibnu 'Adi, Ibnu Qāni', Ibnu Mandah dan Abu Nu'aim di

dalam kitabnya as-Shahābah meriwayatkan hadits Bahz berikut: كان يبتاك عرضاً ويشرب (Baginda memberus gigi dengan melentang (gigi) dan meminum (air) sedikit-sedikit dengan tenang). Hadits ini diriwayatkan oleh at-Thabaraani daripada Ummu Salamah: كان لا يعب (Nabi s.a.w. tidak minum banyak sekali gus dengan satu nafas). Abu as-Syeikh pula meriwayatkan hadits Maimunah ini: لا يعب و لا يلهث (Nabi s.a.w. tidak minum banyak sekali gus dengan satu nafas dan tidak juga tercungap-cungap), semua hadits-hadits ini adalah dha'if." (Lihat al-Mughni 'An Ĥamli al-Asfār j.1 m/s 658).

(7) Penyaksian lapangan juga tidak membuktikan hingga ke hari ini bahawa meminum air dengan cara itu menyebabkan penyakit hati yang tertentu, apalagi kalau dikatakan ia adalah sebab besar bagi segala macam penyakit hati.

(8) Oleh kerana itulah Ibnu al-'Arabi di dalam 'Aaridhatu al-Aḥwadzi menulis, "Hadits yang menyatakan penyakit hati berpunca daripada minum air banyak sekali gus dengan satu nafas itu adalah karut (tidak benar)."

Contoh Ketiga:

الزَّيْنَى يُورِثُ الْفَقْرَ

Bermaksud: Zina mempesakai (menyebabkan) kepapaan.

Rujukan:

Al-Qudhā'i – Musnad asy-Syihāb al-Qudhā'i j.1 m/s 73, al-Baihaqi – Syu'ab al-Iman j.7 m/s 296, as-Suyuthi – al-Jāmi' al-Kabīr / Jam'ul Jawāmi' j.3 m/s 752, Ibnu 'Adi – al-Kāmil Fi Dhu'afā' ar-Rijāl j.8 m/s 181-182, ad-Dailami – Musnad al-Firdaus j.2 m/s 302, Ibnu Abi Ĥātim – al-'Ilal j.1 m/s 410-411, Qiwām as-Sunnah (Isma'il bin Muhammad) – at-Targhīb Wa at-Tarhīb j.2 m/s 227, as-Sakhaawi- al-Maqaashidu al-Hasanah m/s 378, Al-'Ajaluni, Kasyfu al-Khafa' j.1 m/s 504, al-Albaani- Silsilatu ad-Dha'īfah j.1 m/s 142.

Komentari:

(1) Terlebih dahulu dikemukakan sanad dan matan riwayat al-Qudhā'i (m.454H) di dalam Musnadnya:

٦٦ - أَخْبَرَنَا أَحْمَدُ بْنُ عُمَرَ الْجِزْيِيُّ، ثنا زَيْدُ بْنُ مُحَمَّدٍ الْقُرَشِيُّ، ثنا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي إِسْحَاقَ، ثنا وَهْبُ بْنُ وَهْبٍ، ثنا عَمِّي، ثنا الْمَاضِي بْنُ مُحَمَّدٍ، عَنْ لَيْثِ بْنِ يَغْنَى ابْنِ أَبِي سُلَيْمٍ، عَنْ مُجَاهِدٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الرَّئِيُّ يُورِثُ الْفَقْرَ.

(2) Ini pula sanad dan matan riwayat al-Baihaqi di dalam Syu'ab al-Iman:

٥٠٣٥ - أَخْبَرَنَا أَبُو سَعْدٍ الْمَالِينِيُّ، أَنَا أَبُو أَحْمَدَ بْنُ عَدِيٍّ، ثنا الْحَسَنُ بْنُ سَفْيَانَ، ثنا حَرْمَلَةُ، ثنا ابْنُ وَهْبٍ، ثنا الْمَاضِي بْنُ مُحَمَّدٍ أَبُو مَسْعُودٍ، عَنْ لَيْثِ بْنِ يَغْنَى، عَنْ مُجَاهِدٍ، عَنْ ابْنِ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الرَّئِيُّ يُورِثُ الْفَقْرَ".

Sanad ini adalah sanad Ibnu 'Adi sebenarnya. Al-Baihaqi telah menerimanya daripada beliau. Dengan sanad dan matan inilah juga Ibnu 'Adi telah meriwayatkannya di dalam al-Kāmil Fi Dhu'afā' ar-Rijāl j.8 m/s 181-182.

(3) Di dalam kedua-dua sanad di atas terdapat dua orang perawi yang cukup bermasalah. Al-Mādhī bin Muhammad, Abu Mas'ud al-Ghāfiqī al-Mishri, dan Laits bin Abi Sulaim.

Al-Mādhī bin Muhammad menurut sesetengah 'ulama' adalah perawi majhul. Sesetengah yang lain pula mengatakan dia munkarul hadīts. Adz-Dzahabi berkata, "Tiada orang lain meriwayatkan daripadanya selain Ibnu Wahab. Ibnu 'Adi berkata, "munkarul hadīts". Dia mempunyai beberapa hadīts mungkar, antaranya ialah hadīts ini. Ia terlalu dha'if." (Lihat Mizaanu al-I'tidaal j.3 m/s 424). Abu Haatim pula berkata, "Hadīts ini batil (karut), aku tidak tahu (siapa) Mādhī." (Lihat Ibnu Abi Hātim – al-'Ilal j.1 m/s 410-411).

Laits bin Abi Sulaim pula adalah seorang perawi dha'if yang mukhtalith (yang bercelaru riwayatnya). Yahya bin Said al-Qatthān, Nasā'i dan Ibnu Ma'in mengatakan dia seorang perawi lemah. Imam Ahmād mengatakan ḥadītsnya tidak tetap (mudhtharibul ḥadīts).

Di bawah biografi Laits bin Abi Sulaim, Imam Mizzi, adz-Dzahabi dan Hafidz Ibnu Hajar di dalam kitab mereka masing-masing menukulkan kata-kata Abdullah anak Imam Ahmad bahawa dia mendengar ayahnya (Imam Ahmad) berkata, "Tak pernah ku lihat Yahya bin Said al-Qatthan (Imam Jarh dan Ta'dil) berpandangan buruk terhadap sesiapa seburuk pandangannya terhadap Laits, Muhammad bin Ishaq dan Hammam.

Tiada siapa pun mampu memujuk beliau untuk menerima mereka.” (Lihat al-Mizzi, Tahzibu al-Kamal, Jilid 6 m/s 190, az-Zahabi- Mizanu al-I’tidal Jilid 3 m/s 421, Hafidz Ibnu Hajar al-’Asqalani- Tahzibu at-Tahzib Jilid 8 m/s 417).

(4) Walaupun dikatakan hadits contoh ketiga di atas mempunyai mutāba’āt dan syawahid, namun ia tetap tidak dapat meningkatkan kedudukannya atau menguatkannya, lantaran kedudukan hadits-hadits mutāba’āt dan syawahidnya adalah lebih teruk dan lebih buruk lagi daripada hadits asal atau kerana terdapat perbezaan di antara keduanya pada sudut-sudut tertentu, seperti marfū’ dan mauqūf dan lain-lain.

Sekarang mari kita lihat sebahagian daripada riwayat yang dikatakan sebagai mutāba’āt dan syawahid baginya:

(i) Ibnu Hibbaan dengan sanadnya di dalam kitab ats-Tsiqāt (j.7 m/s 574) meriwayatkan daripada Makhūl asy-Syāmi bahawa Ibnu ‘Umar berkata kepadanya: يَا مَكْحُولُ إِنَّكَ وَالرَّيْنَا فَإِنَّهُ يُورِثُ الْفَقْرَ (Wahai Makhūl, jangan berzina kerana ia mewarisi kepapaan). Riwayat mutābi’ ini mauqūf, sedangkan riwayat asal yang hendak dijadikan sebagai mutāba’ pula adalah marfū’. Di situ terletak perbezaan di antara dua riwayat tersebut.

Selain itu, hanya Hilal bin Mush’ab sahaja meriwayatkannya daripada Makhūl, daripadanya pula hanya Abu Syihab al-Ĥannāth (‘Abdu Rabbih bin Nāfi’ m.171H) sahaja meriwayatkannya, sedangkan Abu Syihab adalah seorang yang tidak kuat ingatannya menurut para ‘ulama’ Rijāl. Hafiz Ibnu Hajar di dalam Taqrīb at-Taḥdzīb mengatakan dia juga ada sifat waham (terkeliru dalam periwayatan). Beberapa orang tokoh ‘ulama’ Rijāl seperti an-Nasā’i, Ya’qub bin Syaibah, Yahya bin Sa’id al-Qatthān dan lain-lain pula mengatakan dia seorang perawi yang tidak kuat (dha’if). Hafiz Ibnu Hajar bahkan menyebut namanya sebagai salah seorang perawi mudallis di dalam kitabnya Thabaqāt al-Mudallisīn (m/s 22).

Di dalam riwayat Ibnu Hibbaan itu dia (Abu Syihab al-Ĥannāth) telah meriwayatkan atsar tersebut daripada Hilal bin Mush’ab secara ‘an’anah. Sedangkan menurut para ‘ulama’ hadits riwayat seorang perawi mudallis secara ‘an’anah adalah dha’if. Tidak dapat dipastikan adakah dia telah menggugurkan seseorang perawi di atasnya sebelum Hilal bin Mush’ab itu.

Ada kemungkinan dia telah meriwayatkannya daripada Laits bin Abi Sulaim juga seperti tersebut di dalam sanad al-Qudhā’i, Ibnu ‘Adi dan al-Baihaqi yang telah sama-

sama kita saksikan sebelum ini, cuma nama Laits digugurkan. Ini kerana Laits adalah salah seorang gurunya. Adz-Dzahabi di dalam Tadhīb Tahdzīb al-Kamāl dan Al-Khazraji di dalam Khulashahnya bahkan mula-mula sekali menyebut nama Laits sebagai gurunya, selepas itu barulah disebut nama orang-orang lain.

Di dalam Taudhīh al-Musytabih juga tersebut Laits sebagai salah seorang gurunya. Demikian juga tersebut di dalam Tahdzīb al-Kamāl dan lain-lain, namun tidak pula tersebut di dalam kitab-kitab Rijal Hilal bin Mush'ab sebagai gurunya! Hanya Ibnu Hibbaan sahaja di dalam kitabnya ats-Tsiqāt memaparkan dia meriwayatkan atsar Ibnu 'Umar tersebut daripada Hilal bin Mush'ab. Tetapi jangan lupa, ia diriwayatkan olehnya secara 'an'anah!!

(ii) Abu Nu'aim di dalam *Ĥilyatul Auliya'* meriwayatkan satu hadits marfū' daripada *Ĥudzaifah*, di bawah ini adalah sanad dan matannya. Kata beliau:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُطَفَّرِ، قَالَ: ثنا أَحْمَدُ بْنُ سَعِيدٍ الْجَمَشَقِيُّ، قَالَ: ثنا هِشَامُ بْنُ عَمَّارٍ، ثنا مَسْلَمَةُ بْنُ عَلِيٍّ، عَنِ الْأَعْمَشِ، عَنْ شَقِيقٍ، عَنْ حُذَيْفَةَ، رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " إِنَّاكُمْ وَالزَّانَا؛ فَإِنَّ فِيهِ سِتًّا خِصَالًا، ثَلَاثًا فِي الدُّنْيَا، وَثَلَاثًا فِي الْآخِرَةِ، فَأَمَّا اللَّوَاتِي فِي الدُّنْيَا: فَإِنَّهُ يَذْهَبُ بِالنِّهَاءِ، وَيُورِثُ الْفَقْرَ، وَيَنْقُصُ الرِّزْقَ، وَأَمَّا اللَّوَاتِي فِي الْآخِرَةِ: فَإِنَّهُ يُورِثُ سَخَطَ الرَّبِّ، وَسُوءَ الْحِسَابِ، وَالْخُلُودَ فِي النَّارِ ". غَرِيبٌ مِنْ حَدِيثِ الْأَعْمَشِ. تَقَرَّدَ بِهِ مَسْلَمَةُ وَهُوَ ضَعِيفُ الْحَدِيثِ.

Bermaksud: Kata *Ĥudzaifah*, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jauhilah zina, kerana padanya ada enam perkara (buruk). Tiga di dunia, dan tiga lagi di akhirat. Adapun di dunia maka ia menghilangkan seri (wajah), mempesakai (menyebabkan) kepapaan dan mengurangkan rezeki. Adapun di akhirat maka ia menyebabkan kemurkaan Tuhan (Allah), hisab (perhitungan) yang teruk dan kekal di dalam neraka." (*Ĥilyatul Auliya'* j.4 m/s 111).

Setelah mengemukakannya Abu Nu'aim berkata, "Gharib (dha'if), daripada hadits al-A'masy. Hanya Maslamah (bin 'Ali) meriwayatkannya. Sedangkan dia seorang perawi yang dha'if haditsnya."

Ibnu 'Adi juga meriwayatkan hadits *Ĥudzaifah* ini di dalam al-Kāmil (j.8 m/s 19) melalui dua saluran riwayat. Di dalam saluran yang kedua tersebut di antara Maslamah dan al-A'masy nama seorang lagi perawi iaitu Abu 'Ali al-Kufi. Setelah

mengemukakannya Ibnu `Adi berkata, “Tidak mahfūzh daripada al-A`masy, ia adalah hadits mungkar.”

Sebenarnya hadits Ḥudzaifah telah diriwayatkan melalui dua saluran riwayat. Ibnu al-Jauzi telah mengemukakan kedua-duanya di dalam al-Maudhū`āt. Salah satunya ialah yang dikemukakan di atas. Dan yang keduanya pula diriwayatkan oleh Abān bin Nahsyal sebagai mutābi` kepada Maslamah. Di bawah ini dikemukakan hadits berkenaan bersama sanadnya:

رَوَى أَبَانُ بْنُ نَهْشَلٍ عَنْ إِسْمَاعِيلَ بْنِ أَبِي خَالِدٍ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ شَقِيقٍ عَنْ حُدَيْفَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " إِيَّاكُمْ وَالزَّانَا فَإِنَّ فِيهِ سِتًّا خِصَالًا: ثَلَاثٌ فِي الدُّنْيَا وَثَلَاثٌ فِي الْآخِرَةِ، فَأَمَّا اللَّوَاتِي فِي الدُّنْيَا: فَإِنَّهُ يُذْهِبُ النَّهَاءَ وَيَقْطَعُ الرِّزْقَ وَيُورِثُ الْفَقْرَ، وَأَمَّا اللَّوَاتِي فِي الْآخِرَةِ: يَسْخَطُ الرَّبَّ عَزَّوَجَلَّ وَسُوءَ الْحِسَابِ وَالْخُلُودَ فِي النَّارِ. "

Bermaksud: Nabi s.a.w. bersabda, “Jauhilah zina kerana padanya ada enam perkara (buruk). Tiga daripadanya di dunia, dan tiga lagi di akhirat. Adapun yang tiga di dunia itu maka ia menghilangkan seri (wajah), memotong rezeki dan mempesakai (menyebabkan) kepapaan. Dan adapun tiga di akhirat pula ialah kemurkaan Tuhan (Allah `Azza Wa Jalla), hisab yang teruk dan kekal di dalam neraka.” (al-Maudhū`āt j.3 m/s 107).

Di dalam sanad saluran riwayat Ḥudzaifah yang pertama ada Maslamah bin `Ali. Kata Yahya tentangnya, “Langsung tiada nilainya.” An-Nasaa`i dan ad-Daaraquthni mengatakan dia perawi matrūk. Bukan an-Nasaa`i dan ad-Daaraquthni sahaja mengatakan dia matrūk, malah para `ulama` Rijāl berijmā` tentang matrūknnya. Al-Haakim malah berkata, “Dia meriwayatkan daripada al-Auzā`i dan az-Zubaidi banyak riwayat mungkar dan maudhu`.”

Adz-Dzahabi telah mengemukakan banyak riwayat mungkarnya. Salah satunya ialah hadits ini. Hadits ini termasuk dalam riwayatnya yang mungkar menurut adz-Dzahabi dan lain-lain `ulama` hadits.

Sementara di dalam sanad riwayat al-Baihaqi di dalam Syu`ab al-Iman pula terdapat seorang perawi majhul di antara Maslamah dan al-A`masy. Namanya ialah Abu `Abdir Rahman al-Kufi. Al-Baihaqi sendiri setelah mengemukakannya berkata, “Ini adalah isnad yang dha`if. Maslamah bin `Ali al-Khusyani matruk. Abu `Abdir Rahman al-Kufi

pula perawi majhul. Perihal kekal di dalam neraka yang tersebut pada ayat itu hanya untuk orang-orang kafir.” (Lihat al-Baihaqi – Syu’ab al-Iman j.7 m/s 332).

Di dalam saluran riwayat kedua Ḥudzaifah pula ada Abān bin Nahsyal. Ibnu Hibbaan berkata, “Dia seorang yang terlalu mungkar haditsnya. Dia meriwayatkan daripada perawi-perawi tsiqāt apa yang bukan merupakan riwayat mereka. Tidak boleh berhujah dengan haditsnya. Dan hadits ini langsung tidak berasas daripada Nabi s.a.w.”

(iii) Ibnu ‘Adi meriwayatkan satu hadits marfū’ daripada Ibnu ‘Abbaas. Di bawah ini adalah teksnya bersama sanadnya, kata Ibnu ‘Adi:

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ جَعْفَرٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْحَاقَ الْبُكَالِيُّ، قَالَ: حَدَّثَنَا الْحَكَمُ بْنُ سُلَيْمَانَ أَبُو مُحَمَّدٍ الْجَبَلِيُّ عَنْ عُمَرَ بْنِ خُمَيْعٍ، عَنْ ابْنِ جُرَيْجٍ، عَنْ عَطَاءٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِيَّاكُمْ وَالزَّيْنَا فَإِنَّ فِيهِ أَرْبَعَ خِصَالٍ يَذْهَبُ بِالنِّبَاهِ مِنَ الْوَجْهِ وَيَقْطَعُ الرِّزْقَ وَيُسْخِطُ الرَّحْمَنَ وَالْخُلُودَ فِي النَّارِ.

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Jauhilah zina kerana padanya ada empat perkara (buruk). (Pertama) Ia menghilangkan seri daripada wajah, (kedua) memotong rezeki, (ketiga) membuatkan Tuhan ar-Rahman murka, dan (keempat) menyebabkan kekal di dalam neraka.” (al-Kāmil Fi Dhu‘afā’ ar-Rijāl j.6 m/s 198-199).

Perawi yang bermasalah di dalam sanad riwayat ini ialah ‘Amar bin Jumai’. Yahya berkata, “Dia seorang pendusta besar yang sangat jahat.” An-Nasaa’i dan ad-Daraquthni pula berkata, “Dia perawi matrūk.” Ibnu ‘Adi sendiri setelah mengemukakan riwayat itu berkata, “‘Amar bin Jumai’ mempunyai beberapa hadits lagi selain yang saya telah sebutkan itu. Riwayat-riwayatnya tidak mahfūzh. Kebanyakannya mungkar. Dialah yang dikatakan telah mengada-ngadakannya (merekanya).

Terdapat beberapa lagi riwayat yang dianggap sebagai riwayat mutāba‘āt dan syawahid bagi hadits contoh ketiga. Ibnu al-Jauzi di bawah tajuk ذم الزنا mengatakan berhubung dengan perkara ini ada riwayat daripada ‘Ali, Ibnu ‘Abbaas, Jabir, Ḥudzaifah dan Anas. Tiga daripadanya telah pun penulis bentangkan sebagai contoh. Yang lain-lain lagi tidaklah lebih baik dan lebih elok daripadanya. Kata Ibnu al-Jauzi, “Tidak ada satu pun daripadanya sahih daripada Rasulullah s.a.w.” Seperti telah sama-sama kita saksikan dalam perbincangan yang lalu bahawa yang paling baik daripadanya pun dha‘if sangat.

(5) Tidaklah usul ke-62 bersama dengan contoh-contoh di bawahnya dibentang dan dibahas untuk melegitimasi perzinaan dalam masyarakat, tidak juga untuk memperkecilkan dosanya. Perzinaan tetap merupakan dosa besar berdasarkan sekian banyak ayat al-Qur'an dan hadits Rasulullah s.a.w. yang sahih. Kita umat Islam tidak memerlukan hadits-hadits maudhu' mahupun dha'if sangat untuk membendung masyarakat Islam daripada perbuatan yang keji seperti perzinaan itu. Cukuplah kepada orang-orang yang beriman beberapa firman Allah di dalam Surah al-Furqān sebagai contohnya untuk menimbulkan kesedaran tentang betapa besarnya dosa perzinaan itu dan bagaimana dahsyatnya hukuman Allah terhadap pelaku-pelakunya. Allah berfirman:

وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا يَزْنُونَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ يَلْقَ أَثَامًا
⑦ يَضْعَفُ لَهُ الْعَذَابُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَيَخْلُدُ فِيهِ مُهَانًا ⑧ إِلَّا مَنْ تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَأُولَئِكَ يُبَدِّلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا ⑨ وَمَنْ تَابَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَإِنَّهُ يَتُوبُ إِلَى اللَّهِ مَتَابًا ⑩

Bermaksud: Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan (alasan) yang hak (yang dibenarkan oleh Syara'), dan tidak pula berzina; sesiapa yang melakukan yang demikian itu, niscaya dia akan mendapat balasan dosanya; (68)

Akan digandakan untuknya azab seksa pada hari kiamat, dan dia pula akan kekal di dalam azab itu dalam keadaan terhina, (69)

Kecuali orang yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amal yang baik, maka orang-orang itu, Allah akan menggantikan kejahatan mereka dengan kebaikan; dan adalah Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (70)

Dan sesiapa yang bertaubat serta beramal soleh, maka sesungguhnya (dengan itu) dia bertaubat kepada Allah dengan sebenar-benar taubat. (71). (al-Furqān:68-71).

(6) Saudara pembaca yang budiman! Banyak lagi perbuatan-perbuatan lain selain perzinaan yang dikaitkan dengan sabda Rasulullah s.a.w. Kononnya Baginda s.a.w. bersabda ia mempesakai atau menyebabkan kepapaan dan kemiskinan, sayang sekali kerana semuanya maudhu'. Antaranya dikatakan:

(i) Syaddād bin Aus telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

ثَلَاثٌ تَوْرَثُ الْفَقْرَ أَكْلُ الرَّجُلِ الطَّعَامَ وَهُوَ جَنْبٌ قَبْلَ أَنْ يَغْسِلَ يَدَيْهِ وَقِيَامُهُ غُرْيَانٍ بِلَا مِزْرٍ وَلَا سِتْرَةٍ وَالْمَرْأَةُ تَشْتُمُ رُوحَهَا فِي وَجْهِهِ

Bermaksud: Tiga perkara mempesakai (menyebabkan) kepapaan. (Pertama) Makan dalam keadaan berjunub sebelum membasuh kedua tangan. (Kedua) Bangunnya orang yang berjunub dengan bertelanjang tanpa memakai kain atau (apa-apa) penutup. (Ketiga) Memaki suami secara berhadapan. (ad-Dailami – Al-Firdaus j.2 m/s 92).

(ii) Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

مَنْعُ الْخَمِيرِ يُورَثُ الْفَقْرَ وَمَنْعُ الْمِلْحِ يُورَثُ الدَّاءَ وَمَنْعُ الْمَاءِ يُورَثُ النَّدَالَةَ وَمَنْعُ النَّارِ يُورَثُ النِّفَاقَ.

Bermaksud: Tidak memberi ragi mempesakai kepapaan, tidak memberi garam mempesakai penyakit, tidak memberi air mempesakai kehinaan, dan tidak memberi api mempesakai nifaq. (Lihat asy-Syaukāni - al-Fawā'id al-Majmū'ah m/s 82).

(7) Kenyataan tidak membenarkan apa yang tersebut sebagai contoh ketiga di atas. Terbukti tidak semua orang yang berzina itu melarat dan sengsara kehidupannya. Tidak terbukti juga kehidupan semua orang yang berzina atau kebanyakan mereka berakhir dengan kepapaan dan kemiskinan. Itu belum lagi diambil kira orang-orang kafir di seluruh dunia. Berapa ramai dari kalangan mereka yang berzina tetapi hidupnya terus mewah dan kaya raya hingga ke akhir hayat.

Apakah sebenarnya maksud hadits tersebut? Adakah maksudnya ialah orang yang sentiasa berzina dan perzinaan sudah menjadi tabi'atnya atau orang yang hanya sekali atau dua kali sahaja terjebak dalam perbuatan yang keji dan terkutuk itu? Dan adakah ia khusus untuk orang-orang Islam sahaja atau umum untuk sekalian manusia?

(8) Sebenarnya yang paling banyak menepati usul ke-62 ini ialah riwayat-riwayat Syi'ah. Di dalam kitab-kitab hadits mereka yang mu'tabar seperti al-Kāfi dan lain-lain pun tersebut dengan banyak riwayat-riwayat yang karut seperti itu. Di dalam kitab-kitab Sunni pula riwayat-riwayat semacam itu dihukum maudhu' oleh para 'ulama' hadits, dan ia pada umumnya hanya tersebut di dalam kitab-kitab yang tidak masyhur dan mu'tabar seperti kitab Musnad al-Firdaus oleh ad-Dailami dan lain-lain atau di dalam kitab-kitab yang ditulis khusus untuk membincangkan tentang hadits-hadits maudhu'.

Mungkin juga apa yang bertebaran di dalam kitab-kitab Sunni itu berpunca daripada periwayatan golongan Syi'ah.

Mari kita lihat sebahagian daripada riwayat-riwayat Syi'ah yang menepati usul ke-62 yang sedang kita bincangkan sekarang, perhatikan, adakah tiga contoh yang terpilih di bawah usul ke-62 juga ada di dalam riwayat-riwayat Syiah itu?

(١) عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ (ع) قَالَ الْأَكْلُ عَلَى الشَّبَعِ يُورِثُ الْبَرَصَ

Bermaksud: Abu 'Abdillah (Ja'far as-Shādiq) berkata: "Makan dalam keadaan sudah kenyang mempesakai penyakit sopak. (al-Kulaini – al-Kafi j.6 m/s 269).

(٢) عَنْ أَبِي الْحَسَنِ الرِّضَا قَالَ سَمِعْتُهُ يَقُولُ وَتَكَرَّرَ مِصْرَ فَقَالَ قَالَ النَّبِيُّ ص لَا تَأْكُلُوا فِي فَخَّارِهَا وَلَا تَغْسِلُوا رُءُوسَكُمْ بِطِينِهَا فَإِنَّهُ يَذْهَبُ بِالْغَيْرَةِ وَيُورِثُ الدِّيَّانَةَ

Bermaksud: Abul Hasan ar-Ridha ketika menyebutkan tentang Mesir berkata, Nabi s.a.w. bersabda: "Jangan kamu makan dalam tembikarnya (Mesir) dan jangan kamu membasuh kepalamu dengan tanahnya, kerana ia akan menghilangkan sifat cemburu (di dalam dirimu) dan mempesakai sifat dayus. (al-Kulaini – al-Kafi j.6 m/s 386 & 501).

(٣) لَزُومَ الْحَمَامِ يُوْرِثُ السَّلَ: عَنْ أَبِي الْحَسَنِ الرِّضَا قَالَ: "وَإِيَّاكَ أَنْ تُثَمِّنَهُ فَإِنَّ إِيْمَانَهُ يُورِثُ السَّيْلَ"

Bermaksud: Berada lama di dalam bilik mandi air panas boleh menyebabkan penyakit TB (batuk kering). Diriwayatkan daripada Abil Hasan ar-Ridha, kata beliau: "Janganlah kamu berada lama di dalamnya, kerana ia mempesakai (boleh menyebabkan) penyakit TB (batuk kering). (al-Kulaini – al-Kafi j.6 m/s 497).

(٤) عَنِ الرِّضَا ع قَالَ الْبُطِيخُ عَلَى الرِّيقِ يُورِثُ الْقَالِجَ نَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْهُ

Bermaksud: Ar-Ridha berkata: "Makan mentimun susu sebelum makan apa-apa yang lain di waktu pagi mempesakai (boleh menyebabkan) penyakit lumpuh sebelah tubuh. Kita berlindung kepada Allah daripadanya. (al-Kulaini – al-Kafi j.6 m/s 361).

(٥) عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ (عَلَيْهِ السَّلَامُ) قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ) الْمَاءُ الَّذِي تُسَجِّنُهُ الشَّمْسُ لَا تَوَضُّؤُوا بِهِ وَ لَا تَغْتَسِلُوا بِهِ وَ لَا تَعْفُجُوا بِهِ فَإِنَّهُ يُورِثُ الْبَرَصَ

Bermaksud: Abu 'Abdillah berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jangan kamu berwudhu' dengan air yang panas kerana terdedah kepada sinaran matahari yang panas,

jangan mandi dengannya, dan jangan juga kamu menguli tepung dengannya, kerana ia mempesakai (boleh menyebabkan) penyakit sopak. (al-Kulaini – al-Kafi j.7 m/s 243).

(٦) عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ سِنَانٍ قَالَ: قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ ع اتَّقُوا الْكَلَامَ عِنْدَ مُلْتَقَى الْخِتَانَيْنِ فَإِنَّهُ يُورِثُ الْخَرَسَ".

Bermaksud: Abu `Abdillah (Ja`far as-Shādiq) berkata: “Jangan bercakap ketika bersetubuh kerana ia mempesakai penyakit bisu. (al-Kulaini – al-Kafi j.5 m/s 498).

(٧) عَنْ أَبِي جَعْفَرٍ (عَلَيْهِ السَّلَام) قَالَ قَالَ النَّبِيُّ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ) فِي الزَّوْنَا خَمْسُ خِصَالٍ يَذْهَبُ بِمَاءِ الْوُجْهِ وَ يُورِثُ الْفَقْرَ وَ يَنْقُصُ الْعُمَرَ وَ يُسْخِطُ الرَّحْمَنَ وَ يُخَلِّدُ فِي النَّارِ نَعُودُ بِاللَّهِ مِنَ النَّارِ.

Bermaksud: Abu Ja`far meriwayatkan, katanya: Nabi s.a.w. bersabda: “Pada perzinaan ada lima perkara (buruk). Ia menghilangkan air muka, mempesakai (menyebabkan) kepapaan, mengurangkan (memendekkan) umur, menyebabkan kemurkaan Tuhan ar-Rahman, dan mengekalkan (pelakunya) di dalam neraka. Kita berlindung kepada Allah daripada api neraka.” (al-Kulaini – al-Kafi j.5 m/s 543).

Usul (63) Riwayat-riwayat yang menyebutkan doa khusus daripada Nabi s.a.w. apabila khatam al-Qur'an (habis membaca sebuah al-Qur'an) dan yang menyatakan kelebihan doa khatam al-Qur'an sama ada di dalam shalat atau di luar shalat, tidak ada satu pun yang sah, baik yang diriwayatkan secara marfu' ataupun mauquf.

Kebanyakannya adalah maudhu' atau dha'if yang tidak dapat ditampung kedha'ifannya (dha'if sangat). Hanya ada satu sahaja riwayat mauquf daripada Anas sah, ia menyebutkan Anas bin Malik r.a. pernah mengumpul anak-pinaknya apabila hendak khatam al-Qur'an di luar shalat dan berdoa beramai-ramai, tetapi tanpa lafaz doa tertentu dan tanpa menyatakan apa-apa kelebihan berkumpul beramai-ramai pada ketika itu.

Di bawah ini adalah sebahagian daripada contoh-contohnya:

Contoh pertama:

عن أبي أمامة قال، قال رسول الله - صلى الله عليه وسلم -: إِذَا خَتَمَ أَحَدُكُمْ الْقُرْآنَ فَلْيَقُلْ اللَّهُمَّ أَنْسِ وَخَشِنِي فِي قَبْرِى

Bermaksud: Abu Umāmah meriwayatkan, katanya: Sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu khatam al-Qur'an (habis membaca semua

sekali al-Qur'an), dia hendaklah mengucapkan **يَا أَيُّهَا اللَّهُمَّ أَنْتَ الْوَحْدِيُّ فِي قَبْرِي** (Ya Allah, tenangkanlah ketakutanku kepada kesepian di dalam kuburku.”

Rujukan:

As-Suyuthi – Jāmi' al-Aḥādīṡ j.3 m/s 81 & az-Ziādāt 'Ala al-Maudhū'āt j.1 m/s 124, Ad-Dailami – Musnadul Firdaus j.1 m/s 111, al-Munāwi – Faidhul Qadīr j.1 m/s 333, as-Syaukaani- al-Fawaa'idu al-Majmu'ah m/s 310, al-Amīr as-Shan'āni – at-Tanwīr j.2 m/s 28-29, Ibnu 'Arraq al-Kinaani – Tanzih as-Syarī'ah al-Marfu'ah j.1 m/s 299, al-Albaani- Silsilatu al-Aḥādīṡi ad-Dha'iifah Wa al-Maudhu'ah j.6 m/s 63-64, al-Ghumāri – al-Mudāwi j.1 m/s 346, asy-Syeikh Bakr bin 'Abdillāh Abu Zaid – Juz'u Marwiyyāt Du'ā' Khatmi al-Qur'an m/s 15.

Komentar:

(1) As-Suyuthi di dalam az-Ziādāt 'Ala al-Maudhū'āt j.1 m/s 124 menukikan hadits contoh pertama di atas daripada al-Haakim di dalam Tārīkhnya dengan sanad berikut:

أَخْبَرَنَا يَحْيَى الْعَنْبَرِيُّ أَخْبَرَنَا أَحْمَدُ بْنُ الْخَلِيلِ الْبُسْتِيُّ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ بْنُ مُحَمَّدٍ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ خَالِدٍ حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ مُسْلِمٍ عَنْ سَالِمِ الْخَيْطِ عَنْ الْحَسَنِ عَنْ أَبِي أَمَامَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -:

Di dalam sanad al-Haakim ini terdapat tiga orang perawi yang cukup bermasalah. Pertama, Laits bin Muhammad. Ibnu Abi Syaibah, an-Nasaa'i dan lain-lain mengatakan ia seorang perawi matrūk. Kedua, Salim al-Khayyāth. Kata Yahya tentangnya, ليس بشيء (ia langsung tidak bernilai). Ketiga, Ahmad bin 'Abdillāh bin Khalid. Yang ketiga ini adalah yang paling teruk daripada tiga orang itu. Ia dikenali juga dengan al-Juwaibāri. Seorang perawi pendusta besar. Kerana adanya di dalam sesuatu sanad para 'ulama' menghukum haditsnya sebagai maudhu'.

As-Suyuthi sendiri setelah mengemukakannya menulis, “Ahmad bin 'Abdillāh bin Khalid adalah al-Juwaibāri, salah seorang perawi yang terkenal mereka (mengadakan) hadits.”

Salah satu contoh betapa teruknya perawi ini ialah apa yang dinukilkan oleh para 'ulama' Rijāl hadits bahawa apabila ia mendengar perselisihan 'ulama' tentang sama ada al-Ḥasan al-Bashri pernah mendengar sesuatu daripada Abu Hurairah atau pun tidak, ia terus meriwayatkan **حَدَّثَنَا فَلَانٌ... عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ سَمِعَ الْحَسَنَ مِنْ أَبِي**

هريرة (Fulan meriwayatkan kepada kami...daripada Nabi s.a.w. bahawa Baginda bersabda: Ḥasan telah mendengar daripada Abu Hurairah). (Lihat adz-Dzahabi -Mīzān al-I'tidāl j.1 m/s 106-108, Hafizh Ibnu Hajar – Lisān al-Mīzān j.1 m/s 494-496).

(2) Ad-Dailami juga dengan sanadnya telah mengemukakan hadits itu melalui saluran riwayat al-Laits bin Muhammad seperti di dalam sanad al-Haakim di atas.

(3) Kerana adanya perawi seperti al-Juwaibāri itu di dalam sanad hadits, maka para 'ulama' hadits menghukumnya sebagai maudhu'. Antara tokoh 'ulama' hadits yang telah menghukum hadits itu maudhu' ialah Ibnu 'Arrāq al-Kināni, asy-Syaukāni, Muhammad Thāhir al-Fattani al-Hindi, al-Ghumāri, al-Albāni dan lain-lain.

(4) Imam adz-Dzahabi menulis di dalam Mizaanu al-I'tidaal tentang al-Juwaibāri itu begini:

Kata Ibnu 'Adi, "Ia mengada-ngadakan hadits mengikut kehendak Ibnu Karrām (seorang tokoh Mujassimah yang sesat)..." Ibnu Hibbaan berkata, "Ia adalah Abu 'Ali al-Juwaibāri, salah seorang dajjal..." An-Nasaa'i dan ad-Daaraquthni berkata, "Ia pendusta besar." Aku (adz-Dzahabi) berkata, "Al-Juwaibāri itu memang telah menjadi perumpamaan (sebutan) lantaran dustanya...Kata al-Baihaqi, "Aku memang kenal betul dia. Memang dia telah mereka hadits atas nama Rasulullah s.a.w. Dia telah mereka lebih daripada seribu hadits atas nama Rasulullah s.a.w." (Lihat adz-Dzahabi -Mīzān al-I'tidāl j.1 m/s 106).

Ibnu al-Jauzi di dalam kitabnya ad-Dhu'afā' Wa al-Matrūkīn pula menukulkan kata-kata Ibnu Hibbaan tentang al-Juwaibāri dan Muhammad bin Tamīm as-Sa'di begini:

"...Barangkali mereka berdua telah mengada-ngadakan sebanyak seratus ribu hadits atas nama Rasulullah s.a.w. dan atsar atas nama sahabat dan tabi'in..." (ad-Dhu'afā' Wa al-Matrūkīn j.3 m/s 95).

(5) Tidak ada apapun yang salahnya dalam kandungan hadits tersebut. Memanglah kubur itu tempat yang sepi dan menakutkan bagi sesetengah orang yang telah mati berdasarkan sekian banyak hadits Rasulullah s.a.w yang sahih. Boleh saja anda berdoa dengannya, tetapi ia tidak boleh sama sekali dikaitkan dengan Rasulullah s.a.w.

Begitulah halnya hadits maudhu' dan hadits yang dha'if sangat. Ia tidak boleh dinisbahkan (dikaitkan) kepada Baginda s.a.w.

(6) Tanpa doa itu pun orang-orang yang beriman dan beramal saleh tidak akan kesepian dan ketakutan di dalam kuburnya. Amal salehnya akan ditukarkan menjadi teman yang mesra dengannya di dalam kubur. Di dalam hadits al-Barā' bin 'Aazib yang panjang tentang soalan malaikat terhadap orang-orang yang mati di dalam kubur jelas menunjukkan perkara ini. Lihat sebahagian daripada hadits berkenaan di bawah ini:

...وَيَأْتِيهِ الرَّجُلُ حَسَنُ الْوَجْهِ حَسَنُ الثِّيَابِ حَسَنُ الرِّيحِ فَيَقُولُ أَبَشِّرْ بِالَّذِي يَسُرُّكَ فَيَقُولُ مَنْ أَنْتَ؟ فَيَقُولُ أَنَا عَمَلُكَ الصَّالِحِ وَقَالَ فِي حَقِّ الْكَافِرِ وَيَأْتِيهِ رَجُلٌ قَبِيحُ الْوَجْهِ قَبِيحُ الثِّيَابِ مُنْتِنُ الرِّيحِ فَيَقُولُ: أَبَشِّرْ بِالَّذِي يَسُوءُكَ هَذَا يَوْمُكَ الَّذِي كُنْتَ تُوعَدُ، قَالَ: فَيَقُولُ: مَنْ أَنْتَ؟ فَوَجْهُكَ الْوَجْهُ يُبَشِّرُ بِالشَّرِّ، قَالَ: فَيَقُولُ: أَنَا عَمَلُكَ الْخَبِيثُ...

Bermaksud: Dan datang kepadanya (orang yang mati) orang yang comel wajahnya, cantik pakaiannya, dan wangi baunya. Dia berkata, "Terimalah berita yang menggembirakanmu." Maka si mati bertanya, "Siapa engkau?" Dia menjawab, "Akulah amal salehmu." Tentang orang kafir pula Nabi s.a.w. bersabda: "Dan datang kepadanya (orang yang mati) seorang yang jelik wajahnya, hodoh pakaiannya, dan busuk baunya. Dia berkata, "Terimalah berita yang menyusahkanmu. Inilah hari yang dijanjikan kepadamu." Kata Nabi s.a.w., maka dia (si mati) bertanya, "Siapa engkau? Wajahmu adalah wajah yang membawa keburukan (nampaknya)." Kata Nabi s.a.w., "Maka dia berkata, "Akulah amalanmu yang jahat..." (Lihat Musnad Ahmad, Mushannaf Ibnu Abi Syaibah, Mustadrak Haakim, Syu'abul Iman al-Baihaqi dan lain-lain).

Contoh Kedua:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَدْعُو عِنْدَ خَتْمِ الْقُرْآنِ: ((اللَّهُمَّ ارْحَمْنِي بِالْقُرْآنِ وَاجْعَلْهُ لِي إِمَامًا وَنُورًا وَهُدًى وَرَحْمَةً، اللَّهُمَّ تَكَرَّنِي مِنْهُ مَا تُسَبِّحُ وَعَلِّمْنِي مِنْهُ مَا جَهِلْتُ وَارْزُقْنِي تِلَاوَتَهُ آتَاءَ اللَّيْلِ وَأَطْرَافَ النَّهَارِ وَاجْعَلْهُ لِي حُجَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ)).

Bermaksud: Sesungguhnya Nabi s.a.w. selalu berdoa ketika khatam al-Qur'an (habis membaca semua sekali al-Qur'an) (begini): "Ya Allah, rahmatilah aku dengan al-Qur'an, jadikanlah ia ikutan, cahaya, pertunjuk dan rahmat bagiku. Ya Allah, ingatkanlah aku mana yang telah aku terlupa daripadanya (al-Qur'an), ajarkanlah aku

apa yang belum aku ketahui daripadanya, dan kurniakanlah kepadaku kemampuan membacanya pada waktu malam dan siang. Jadikanlah ia sebagai hujah bagiku, wahai Tuhan sekalian alam.”

Rujukan:

Al-Ghazālī – *Îhyā’ ‘Ulūmiddīn* j.2 m/s 39, Al-‘Irāqī – al-Mughni j.1 m/s 226, Murtadha az-Zabīdī – *Itḥāf as-Sādati al-Muttaqīn* j.4 m/s 492, Tājuddīn as-Subki – *Thabqāt as-Syafi’iyyah al-Kubra* j.6 m/s 301, Ibnu al-Jazari – *an-Nasyr Fi al-Qirā’āt al-‘Asyr* j.2 m/s 464, at-Thabalāwi – *as-Syam`u al-Mudhiyyah* j.2 m/s 675.

Komentar:

(1) Hadits contoh kedua di atas telah dikemukakan oleh Imam al-Ghazali, al-‘Irāqī, Ibnu al-Jazari dan lain-lain dengan sedikit perbezaan pada lafaznya. Al-Ghazali mengemukakan tanpa sanad. Tetapi al-‘Irāqī setelah mengemukakan berkata, “Ia diriwayatkan oleh Abu Manshūr al-Muzhaffar bin al-Husain al-Arjāni di dalam *Fadhā’il al-Qur’an* dan Abu Bakr bin ad-Dhahhāk di dalam *Syamā’il*. Kedua mereka meriwayatkannya melalui saluran Abu Dzarr al-Harawi daripada riwayat Daud bin Qais secara mu’dhal.”

(2) Ibnu al-Jazari juga menyebutkan sama seperti apa yang disebutkan oleh al-‘Irāqī itu, cuma beliau menambahkan sedikit lagi keterangan tentang kenapakah ia dikatakan mu’dhal dan siapa Daud bin Qais itu. Kata beliau, “Ini adalah hadits mu’dhal, kerana Daud bin Qais al-Farrā’ ad-Dabbāgh al-Madani adalah *Tābi’i at-Tābi’in*, beliau meriwayatkan hadits daripada Nāfi’ bin Jubair bin Muth’im dan Ibrahim bin ‘Abdillāh bin Ḥunain. Orang yang meriwayatkan hadits daripadanya pula ialah Yahya bin Sa’id al-Qatthān dan ‘Abdullāh bin Maslamah al-Qa’nabi. Daud bin Qais adalah seorang yang tsiqah, saleh lagi ‘abid, beliau seangkatan dengan Malik bin Anas. Imam Muslim ada mengambil haditsnya untuk kitab *Sahihnya*. Saya tidak mengetahui ada hadits lain diriwayatkan daripada Nabi s.a.w. selainnya.”

(3) Penulis tidak dapat melihat sendiri kitab *Fadhā’il al-Qur’an* karangan Abu Manshūr al-Muzhaffar bin al-Husain al-Arjāni dan kitab *Syamā’il* karangan Abu Bakr bin ad-Dhahhāk tersebut, kerana kedua-duanya tiada dalam perpustakaan sebesar Maktabah

asy-Syamilah sekalipun. Pdfnya juga tiada. Jelas sekali kedua-duanya adalah kitab yang ganjil (rare).

Orang-orang yang menyebutkan ia terdapat di dalam kedua kitab itu juga tidak menyebutkan sanadnya dengan lengkap. Mereka paling tinggi pun mengatakan ia hadits mu`dhal. Seolah-olah mereka melihat hadits itu hanya terhenti pada seorang Tābi`i at-Tābi`in semata-mata. Nama-nama perawi lain tidak dirasakan perlu lagi diselidiki. Sekadar itu pun sudah cukup untuk ia dihukum sebagai dha`if. Mungkin juga sanadnya memang tidak lengkap.

Tajuddīn as-Subki pula dengan jelas menyebutkan ia termasuk salah satu hadits Iḥyā' yang ditemui beliau sanadnya. (Lihat Thabqāt as-Syafi`iyyah al-Kubra j.6 m/s 301).

Bagi penulis, hadits ini memang langsung tiada asalnya (لا أصل له). Hadits لا أصل له ialah yang tidak terdapat di dalam mana-mana kitab ḥadīths yang mengemukakan ḥadīths-ḥadīths dengan bersanad. Sebaliknya ia adalah ḥadīths maudhu' yang tidak boleh disandarkan kepada Nabi s.a.w.

Hadits mu`dhal pula ialah hadits yang gugur daripada isnadnya dua orang perawi atau lebih di satu tempat secara berturut-turut, sama ada ia berlaku di awal sanad atau di pertengahan sanad atau di akhir sanad. Ḥadīths mu`dhal adalah ḥadīths dha`if. Ia lebih dha`if daripada ḥadīths mursal dan munqathi' kerana perawi yang gugur di dalam isnadnya lebih ramai.

(4) Dengan menyebutkan seorang sahaja perawi yang bagus seperti Daud bin Qais itu di dalam sanad sesuatu hadits tidak memberi apa-apa nilai kepadanya, ia tetap tidak akan menjadikannya sahih atau melepaskannya daripada lingkaran kedha'ifan atau kepalsuan.

(5) Dua doa yang dikemukakan oleh penulis sebagai contoh pertama dan kedua di bawah usul ke-63 ini, sebenarnya merupakan punca bagi doa khatam al-Qur'an yang tercatat di akhir sesetengah nuskah al-Qur'an, dan ia tersebar dengan agak meluas dalam masyarakat Islam di mana-mana pun. Doa itu sebetulnya tidak ada dengan lengkap dalam satu riwayat sahaja.

(6) Nasib baik juga kiranya, kerana tidak disebutkan sebelum doa khatam al-Qur'an itu sebagai doa Nabi s.a.w. Ia hanya dibentangkan sebagai doa khatam al-Qur'an semata-mata, tidak sebagaimana tersebut di dalam kitab-kitab asalnya. Di dalam Ihya' 'Ulūmiddīn sebagai contoh, dengan jelas disebutkan bahawa Nabi s.a.w. selalu membaca doa dalam contoh kedua di atas apabila Baginda khatam al-Qur'an (selesai membaca semua sekali al-Qur'an). (Lihat Ihya' 'Ulūmiddīn j.1 m/s 278).

(7) Sebenarnya tidak apa pun yang salahnya di dalam doa-doa tersebut, selain ia tidak tsabit daripada Nabi s.a.w. Anda boleh saja membacanya, cuma janganlah dipercayai ia adalah doa Nabi s.a.w. Kata al-Baihaqi di dalam Syu'ab al-Iman: "Ahlul Hadits bermudah-mudah dalam menerima doa-doa dan kelebihan-kelebihan amalan yang tersebut di dalam hadits-hadits, selagi ia tidak datang melalui riwayat orang yang memang dikenali sebagai pereka hadits atau berdusta dalam meriwayatkan hadits." (Lihat Syu'ab al-Iman j.3 m/s 428).

(8) Anda boleh saja memilih mana-mana doa khatam al-Qur'an, baik yang dikatakan sebagai doa Nabi atau bukan doa Nabi, selagi ia tidak mengandungi sesuatu yang salah menurut 'aqidah dan Syari'at Islam. Dalam bab ini tiada kelebihan doa (yang dikatakan sebagai doa) Nabi daripada doa orang-orang lain, kerana kebanyakannya adalah maudhu' atau pun dha'if sangat. Tidak satu pun daripadanya bertaraf sahih, hasan atau pun sekurang-kurangnya dha'if ringan.

(9) Oleh kerana doa-doa khatam al-Qur'an itu tidak tsabit daripada Nabi s.a.w. maka anda tidak dapat menemuinya di dalam kitab-kitab hadits yang masyhur dan mu'tabar seperti Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim dan lain-lain kitab Sunan. Kerana itu juga di dalam kebanyakan nuskah al-Qur'an yang tersebar hari ini tidak terdapat doa khatam al-Qur'an itu di akhirnya.